

Menonjolkan Imej Malaysia Melalui Faktor Budaya sebagai Usaha Mengalakkan Pelancongan

WAN HASHIM WAN TEH

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan beberapa keperluan dan kemudahan yang menjadi perkara asas untuk meningkatkan industri pelancongan dengan menelitiinya dalam konteks Malaysia. Tumpuan perbincangan ialah kepada aspek Warisan Sejarah dan Kebudayaan yang mempunyai potensi yang tinggi, selain daripada alam sekitaran semulajadi untuk dijadikan sebagai daya tarikan pelancong berkunjung ke negara ini. Di samping itu, ahli masyarakat Malaysia sendiri haruslah ditanam dengan nilai-nilai sejagat seperti mementingkan kebersihan, bersikap jujur, dan hormat kepada tetamu yang berkunjung kemari.

ABSTRACT

This article discusses some basic factors that play the role of promoting tourism as an industry with a special reference to Malaysia. Aspects which are considered in greater detail in the discussion are Historical and Cultural Heritage, albeit not under emphasising the importance of natural environment as an attraction, of which Malaysia is not lacking. It is also suggested that Malaysian themselves need to be instilled with universal cultural values like cleanliness, honesty, and respect for foreigners who visit this country.

PENGENALAN

Pelancongan atau dulunya lebih dikenali sebagai 'pengembawaan' pernah wujud secara *natural* tanpa dibuat apa-apa perancangan. Mereka yang terlibat amat kecil bilangannya. Kecenderungan untuk mengembara ke negara lain ini lahir daripada naluri ingin tahun manusia. Mereka yang mengembara ini dibiayai oleh pemerintah sesebuah negara, atau penulis yang ikut serta bersama angkatan tentera atau syarikat perdagangan yang sedang menjajah untuk tujuan meluaskan perdagangan.

Semasa di tempat asing, apa yang ketara dilihat oleh pengembara ini ialah perbezaan budaya yang mencakupi adat resam dan kehidupan seharian apabila dibandingkan dengan masyarakatnya sendiri. Ini merupakan aspek yang paling menarik untuk dirakamkan dan kemudiannya dijadikan bahan ilmu pengetahuan untuk penduduk di negara asalnya.

Hari ini keadaannya sudah jauh berbeza. Oleh kerana kemajuan dalam bidang pengangkutan yang begitu pesat, ratusan ribu manusia bergerak setiap hari dari satu negara ke satu negara yang lain. Terdapat di antaranya yang melakukan perjalanan kerana menjalankan tugas resmi. Tetapi ada pula sebilangan lain yang berjalan kerana bercuti. Bilangan kedua ini semakin sehari semakin ramai. Dan aktiviti ini membabitkan perbelanjaan yang besar.

Hari ini, ‘pengembaraan’ atau pelancongan sudah menjadi satu industri yang boleh memberi pendapatan yang lumayan kepada sesebuah negara. Mereka yang melancong juga sudah menjadi begitu *sophisticated*. Keperluan pelancong ini adalah pelbagai dan tidak terhad kepada satu dua perkara saja. Oleh kerana melancong adalah satu aktiviti yang mahal harganya, maka sesuatu tempat yang dipilih untuk dikunjungi oleh seseorang mestilah memenuhi keperluannya yang pelbagai. Seseorang pelancong mempunyai sebabnya sendiri kenapa dia memilih untuk melancong ke negara X dan tidak ke negara Y. Pilihan ini dibuat dengan secara teliti dan tidak dengan secara mudah tanpa berfikir panjang.

KEPERLUAN DAN KEMUDAHAN UNTUK PELANCUNGAN

Sebelum dibincangkan secara yang lebih khusus tentang pentingnya disediakan ‘prasarana budaya’ (cultural infrastructure) sebagai tarikan untuk pelancong, akan disenaraikan dulu segala kemudahan dan tarikan yang dianggap perlu diwujudkan untuk menarik bilangan pelancong yang lebih ramai ke negara ini. Faktor-faktor di bawah ini dianggap sebagai keperluan yang umum untuk semua negara yang ingin meningkatkan pelancongan sebagai satu industri yang maju.

Keperluan dan kemudahan untuk pelancong mengandungi lima perkara (Var, Beck & Loftus 1977 : 27) seperti berikut:

1. Alam Sekitaran Semula Jadi (The Natural Environment)
2. Faktor Sosial termasuk Aspek Kebudayaan (Social and Cultural Factors)
3. Tinggalan Sejarah (Historical Factors)
4. Kemudahan Rekreasi dan Membeli Belah (Recreation and Shopping Facilities)
5. Prasarana serta Kemudahan Makanan dan Tempat Tinggal (Infrastructure, Food and Shelter).

1. *Alam Sekitaran Semula Jadi* bermaksud keindahan alam semula jadi seperti pantai yang bersih, tasik, pulau, sungai, hutan rimba, air panas, air terjun, gua atau taman bunga yang cantik yang sesuai dijadikan tempat untuk dikunjungi dan beristirehat. Ini termasuk iklim yang sesuai, iaitu tidak terlalu sejuk dan tidak pula panas membahang.

Faktor pertama ini dimiliki oleh Malaysia. Langkawi, Pangkor, Tioman, Cerating, Port Dickson, Desaru, Rimba Simpanan Endau-Rompin, Cameron Highlands, Genting Highlands, dan Maxwell Hill adalah tempat-tempat yang memang terkenal dengan keindahan semula jadi.

Satu kajian oleh Abd. Kadir Haji Din membandingkan antara faktor ‘Alam Sekitar Semula Jadi’ ‘Tarikan Kebudayaan’ dan ‘Mutu Kemudahan’ bagi empat buah kawasan pelancongan iaitu Cherating, Tioman, Pangkor, dan Langkawi (Abd. Kadir Hj. Din 1987 : 72). Dari tiga faktor yang dinilai oleh pelancong, faktor Alam Sekitaran Semula Jadi diberikan markah yang paling tinggi sekali iaitu Pangkor 7.70, Tioman 7.60, Cherating 7.25 dan Langkawi 6.93 daripada markah maksima 10. Ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai alam sekitaran semula jadi yang cantik dan mempunyai daya tarikan untuk pelancong.

2. *Faktor Sosial dan Kebudayaan* meliputi senibina tempatan, tugu, muzium budaya, pesta kesenian, sukan, hasil kraftangan, muzik tradisional, dan sikap terhadap pelancong.

Negara kita sememangnya memelihara warisan kesenian tradisional seperti istana lama, muzium budaya dan kraftangan, muzik gamelan, dan pelbagai pesta tahunan seperti Hari Raya, Deepavali, Kong Xi Fai Chai, Thaipusam, pesta laut Pulau Pinang dan Lumut, dan lain-lainnya. Ini merupakan tarikan budaya kepada pelancong. Juga sikap penduduk di negara kita terhadap pelancong agak positif.

3. *Tinggalan Sejarah*. Negara kita yang mengalami pemerintahan oleh kuasa luar selama lima kali bertukar ganti (Portugis, Belanda, Inggeris Jepun dan Inggeris) untuk selama 446 tahun mulai dari tahun 1511 mempunyai pelbagai jenis tinggalan sejarah yang boleh menarik perhatian pelancong sama ada pelancong tempatan ataupun dari luar negeri. Melaka merupakan negeri yang paling kaya sekali dengan bangunan-bangunan hasil daripada tinggalan penjajah. Ibu kota lainnya seperti Pulau Pinang dan Kuala Lumpur juga mempunyai beberapa bangunan lama yang menarik dibina di zaman penjajah Inggeris. Di Kedah, tinggalan pemerintahan Melayu pra Islam masih dipelihara dengan baik. Kita sebenarnya tidak ketinggalan dalam aspek ini.

4. *Kemudahan Rekreasi dan Membeli Belah* termasuklah kemudahan untuk bersukan (sport facilities), bukit bukau sesuai untuk mengembala secara berjalan kaki atau memburu, laut yang tenang sesuai untuk bermain perahu kayuh atau perahu layar, memancing, kemudahan mengkaji tumbuh-tumbuhan atau tinggalan lama, tempat membeli oleh-oleh untuk dibuat kenangan, dan lain-lainnya. Sebahagian besar daripada kemudahan ini memang sedia ada untuk pelancong.

5. *Prasarana serta Kemudahan dan Tempat Tinggal* meliputi prasarana untuk kemudahan awam seperti jalan raya yang menghubungi satu kawasan dengan yang lain, kemudahan bekalan air dan letrik, kemudahan

keselamatan, pengangkutan awam, hotel, restoran, banglo, motel dan lain-lainya yang mesti mempunyai taraf yang baik untuk kegunaan pelancong. Pada akhir-akhir ini, kemudahan ini sedang ditingkatkan seperti mengadakan hotel dan kemudahan perjalanan yang baik di kawasan tarikan pelancong (Langkawi, Tioman, Pangkor, Cherating dll). Untuk masa-masa akan datang nanti, lebuh raya utara selatan akan dibesarkan dan ini akan memendekkan masa perjalanan di samping mengurangkan bilangan kemalangan jalan raya. Pada masa kini, lebuh raya kita masih belum sesuai untuk digunakan oleh pelancong secara pandu sendiri kerana jalan rayanya sempit.

Secara umumnya, kita sudah mempunyai tarikan dan kemudahan untuk pelancong dalam kadar yang agak memuaskan. Tetapi kemudahan dan tarikan ini haruslah ditingkatkan supaya negara kita dijadikan sebagai pilihan yang utama untuk mereka yang akan melancong. Bagi penduduk tempatan pula, perlulah ada tarikan untuk mereka membuat lawatan ke tempat-tempat lain di dalam negeri. Salah satu tarikan yang mempunyai potensi untuk ditingkatkan dan perlu diperkembangkan ialah warisan sejarah dan budaya yang lahir daripada tradisi yang pelbagai.

WARISAN SEJARAH DAN BUDAYA SEBAGAI TARIKAN

Kebudayaan boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu aspek non-material dan aspek material. Aspek material sebenarnya lahir daripada aspek non-material kerana cetusan pemikiran atau gagasan yang melahirkan sesuatu dalam bentuk kebendaan, atau rekacipta (invention). Walau-pun ahli sains sosial lebih sering menumpukan konsep budaya kepada aspek non-material seperti ilmu pengetahuan, kepercayaan, adat resam, kesenian, nilai, norma, dan sebagainya, aspek non-material ini hanya mudah difahami apabila dirujuk kepada aspek lahiriahnya seperti tingkah laku, kesenian, adat resam atau artifek budaya yang sebenarnya lahir daripada ilmu pengetahuan dan pemikiran manusia. Dalam konteks makalah ini, tinggalan sejarah tamadun lama juga dianggap sebagai sebahagian daripada aspek budaya.

Tidak dapat dinafikan bahawa budaya merupakan aspek penting yang boleh dijadikan daya tarikan untuk pelancong (C. Kaiser & L. Helber 1978 : 67 – 68). Negara-negara seperti Itali, Greece, Perancis, Mesir, Turki, Soviet Union, New Zealand, Indonesia, Thailand, dan lain-lainnya menggunakan tamadun lama dan warisan sejarah silam untuk dijadikan sebagai tarikan kepada pelancong.

Kota-kota sejarah seperti Rome dan Venice di Itali mempunyai daya tarikan yang kuat kepada pelancong. Mesir yang tidak mempunyai alam sekitaran semulajadi yang menarik menjadikan piramid, sphinx, dan candi-candi firaun di Luxor sebagai tempat yang menarik untuk dikunjungi.

Soviet Union mempunyai bangunan-bangunan masjid dan madrasah di Bukhara dan Samarkand untuk mempamerkan kebesaran tamadun Islam di zaman lampau. India amat dikenali dengan kecantikan bangunan Taj Mahalnya. Indonesia, selain mempunyai pantai yang indah di Bali atau Danau Toba yang cantik di Sumatera, juga terkenal dengan Candi Borobodur dan Prambanan serta kawasan istana atau kraton di Jogjakarta. New Zealand menggembangkan keindahan sekitaran semula jadi bersama pancutan air panas dan kesenian masyarakat pribumi Maori untuk dijadikan daya tarikan pelancong.

Sebahagian besar contoh-contoh yang telah disebutkan merupakan negara dan kawasan yang pernah dikunjungi oleh penulis. Kawasan ini memangnya mempunyai daya tarikan pelancong yang amat kuat kerana ia mempunyai warisan sejarah dan budaya masa lampau yang dijaga dengan rapi.

MENYEDIAKAN PRASARANA BUDAYA

Malaysia agak beruntung kerana mempunyai alam sekitaran semula jadi yang amat menarik. Di samping itu, cuacanya sesuai dikunjungi oleh pelancong dari luar negeri hampir sepanjang tahun, kecuali tiga bulan musim tengkujuh bagi Pantai Timur. Tetapi dua faktor ini tidak mencukupi untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancong kerana faktor-faktor ini disaingi oleh negara dan kawasan lain seperti Hawaii, Bali, Maldives, Spanyol, Itali, dan lain-lain lagi. Juga, bagi pelancong yang sudah *sophisticated* yang mahu meluaskan pengetahuan mereka mengenai masyarakat dan kebudayaan lain, mereka memerlukan lebih daripada alam sekitaran semula jadi yang indah dan iklim yang baik. Faktornya ialah kebudayaan.

Malaysia juga bertuah kerana kaya dengan warisan budaya dari zaman lampau dan mempunyai pelbagai ragam kebudayaan masakini yang lahir dari tiga tamaddun yang besar di Asia. Ini merupakan daya tarikan yang penting jika warisan budaya ini dapat digunakan dengan secara yang boleh dimanfaatkan oleh pelancong sama ada dari kalangan masyarakat tempatan atau mereka yang datang dari luar negeri. Warisan budaya ini boleh dibangunkan mengikut potensi kawasan masing-masing.

Melaka adalah di antara negeri-negeri Melayu yang paling banyak sekali menyimpan warisan budaya dan sejarah silam. Setiap pengunjung yang melawat ke Melaka dapat melihat urutan sejarahnya sejak daripada zaman Hang Tuah (perigi Hang Tuah, perigi Hang Li Po, makam Hang Jebat), hingga ke zaman Feringgi (kota The Famosa), zaman Belanda dan zaman Inggeris. Tinggalan sejarah ini diperlihara dengan rapi.

Melaka juga terkenal dengan kenderaan kereta lembunya. Malah baru-baru ini model kereta lembu TDC telah mengharumkan nama negara apabila memenangi tempat pertama bagi peserta luar negeri dalam

Perarakan di Pasadena tahun 1987. Saya kira hotel-hotel besar di Melaka boleh mengadakan kereta lembu yang dihias dengan cantik untuk membawa pelancong ke Hujung Pasir dan balik ke hotel atau sekadar melawat sekitar bandar Melaka dengan menaiki kenderaan kereta lembu dengan bayaran sewa yang berpatutan. Ini menambahkan lagi daya tarikan Melaka sebagai ibukota sejarah. Di Mesir pelancong-pelancong berpeluang menaiki kereta kuda (di Luxor) atau unta manakala di Venice kita boleh menaiki gondola sambil dihiburkan oleh penyanyi dan penggesek biola.

Selain itu di Melaka terdapat sekumpulan komuniti Portugis yang masih dapat memelihara budayanya sebagai sebuah komuniti yang tersendiri. Mungkin Kampong Portugis itu sendiri, dan pertunjukkan keseniannya boleh dijadikan tempat untuk dilawati oleh pelancong.

Terengganu memang terkenal dengan pantainya yang panjang dan cantik (Rantau Abang) dan juga seni kraftangan tradisi (batik, songket, anyaman, pertukangan kayu dan tembaga, dll.) yang tinggi nilai seninya. Kerajaan Terengganu atau pihak swasta mestilah mengadakan kemudahan untuk para pelancong membuat lawatan ke kawasan industri kraftangan ini. Kesenian kraftangan Melayu perlu dijadikan sebagai daya tarikan untuk pelancong yang membuat lawatan ke Terengganu. Selain itu, perlu juga dihidupkan semula permainan wayang kulit dan pertunjukkan kesenian untuk pelancong yang agak bosan kerana ketiaadan acara tertentu di malam hari.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Abd. Kadir Hj. Din (1987) di empat kawasan pelancongan di Malaysia (Cherating, Tioman, Pangkor, Langkawi), responden memberi markah yang paling rendah kepada faktor 'hiburan malam' (Cherating: 4.11; Tioman: 2.80; Pangkor: 2.80; Langkawi: 2.82 dari jumlah 10 markah). Ini menunjukkan bahawa selain daripada alam sekitaran semula jadi yang indah dan sunyi dari gangguan, pelancong juga memerlukan hiburan untuk mengisi masa lapang mereka di waktu malam. Di negara-negara lain yang sudah maju dalam industri pelancongan, sememangnya ada pertunjukkan kesenian untuk pelancong mengisi masa lapang di waktu malam.

Kota Bharu memang terkenal dengan kehidupan orang Melayu yang agak seragam (homogeneous) dan budaya tradisi yang kaya dan masih terpelihara. Tetapi kota budaya Melayu ini tidak benar-benar berfungsi sebagai 'kota kebudayaan'. Seperti juga Kuala Terengganu dan kawasan sekitarnya, Kota Bharu amat kaya dengan perusahaan kraftangan (batik, songket, pertukangan kayu dan perak dll.) serta kesenian lainnya seperti permainan gasing, wau, pencak silat, wayang kulit, dikir barat dan makyong. Sebahagian daripada kesenian ini diminati bukan sahaja oleh pelancong luar negeri tetapi juga oleh pelancong tempatan. Malah pada hari ini, agak ramai generasi muda yang tidak pernah menonton wayang kulit.

Kota Bharu mempunyai potensi yang amat besar untuk dijadikan kota kebudayaan yang boleh menarik pelancong tempatan dan pelancong luar negeri ke sana. Syaratnya ialah pertunjukkan kesenian seperti makyong, dikir barat dan terutama sekali wayang kulit dapat dihidupkan dan diubahsuaikan memenuhi citarasa pelancong. Dalam hal memenuhi citarasa pelancong luar negeri, mungkin cerita-cerita yang sudah masyhur di Barat seperti Romeo dan Juliet, Aladin dengan lampu Ajaib, Ali Baba dengan Empat Puluh Orang Penyamun boleh dimainkan dalam bentuk wayang kulit dengan menggunakan bahasa Inggeris.

Langkawi mempunyai alam sekitaran semula jadi yang amat cantik. Selain daripada tarikannya sebagai kawasan bebas cukai, Langkawi mempunyai banyak kesan sejarah, legenda dan ubatan tradisi yang boleh dijadikan tarikan kepada pelancong termasuk pelancong tempatan.

Saya kira kawasan-kawasan tumpuan pelancongan yang lain yang tidak disebutkan juga harus menggunakan model yang sama sebagai usaha untuk meningkatkan daya tarikan pelancongan. Ini termasuklah Sabah dan Sarawak. Modelnya ialah mengembangkan antara keindahan sekitaran semula jadi dengan warisan budaya tempatan seperti hasil kraftangan, pertunjukan kesenian, dan pemeliharaan kesan-kesan sejarah dan kepercayaan dan amalan masyarakat tradisional. Khususnya ibu kota Kuala Lumpur yang saya rasa amat sesuai dan penting untuk dijadikan sebagai ‘kota kebudayaan’ yang beranika ragam ini. Waktu malam di Kuala Lumpur mestilah dipenuhi dengan pertunjukan kesenian tradisi penduduk Malaysia dan bukannya bangga dengan budaya pop diskon muda mudah sahaja. Kuala Lumpur patut mengambil Kota London sebagai contoh sebuah kota yang sentiasa giat dengan aktiviti pertunjukan kebudayaan.

Apabila prasarana budaya yang dicadangkan di atas sudah dapat diwujudkan, barulah agensi-agensi pelancongan termasuk MAS dapat mengiklankan tarikan kebudayaan yang ada di negara kita untuk melengkapkan keindahan semula jadi yang sememangnya sudah sedia ada. Sayang sekali hingga kini,kekayaan kesenian dan warisan budaya yang ada pada kita masih belum dikembangkan sepenuhnya untuk dijadikan sebagai daya tarikan kepada pelancong. Perkara ini memang sudah lama dilakukan dengan jayanya di Bali, New Zealand, Italy, Spanyol, Hawaii, dan lain-lain lagi.

NILAI BUDAYA MALAYSIA

Selain daripada prasarana budaya yang perlu disediakan, Malaysia juga perlu menonjolkan imej penduduknya yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa dan berbilang kebudayaan. Pesta-pesta tahunan yang sering diadakan seperti Hari Raya, Kong Xi Fai Chai, Thaipusam, Deepavali, Ponggal dan lain-lain lagi adalah pesta yang sedia ada untuk menarik pelancong.

Mereka yang terlibat secara langsung dengan pelancong seperti pekerja di lapangan terbang, kastam, kedai bebas cukai, pemandu teksi, pelayan hotel, pemandu pelancong, dan sebagainya perlu dididik supaya tahu beramah mesra dengan pelancong. Sememangnya masyarakat Malaysia sudah dikenali sebagai masyarakat yang peramah dan suka menolong. Nilai ini perlu ditingkatkan kerana ia merupakan daya tarikan yang penting.

Juga masyarakat kita perlu dididik supaya cintakan kerbersihan. Kawasan-kawasan pantai tempat pelancong dan taman rekreasi mestilah lengkap disediakan dengan tempat membuang sampah. Kuala Lumpur dan pekan-pekan lainnya perlu dilengkappkan dengan tandas awam yang bersih dan sentiasa dijaga. Bas-bas ekspres dan keretapi juga mestilah mementingkan kebersihan. Ini semua merupakan satu lagi aspek budaya yang boleh menarik hati pelancong. Sebelum aspek budaya ini diiklankan, ia perlu ditanam dulu di jiwa setiap rakyat Malaysia. Apabila nilai hidup mementingkan kebersihan ini sudah mencapai satu tahap yang membanggakan, ia juga boleh dijadikan bahan untuk menggalakkan perlancungan ke Malaysia.

MEMASYARAKATKAN PELANCONGAN

Saya telah menyatakan bahawa kita berasib baik kerana negara kita mempunyai iklim yang baik khususnya untuk mereka yang datang dari negara hawa sederhana yang sentiasa dahagakan sinaran cahaya matahari. Kita juga berasib baik kerana Tuhan telah menganugerahkan negara kita dengan alam sekitaran semula jadi yang pelbagai dan cantik serta sesuai dijadikan sebagai daya tarikan pelancong.

Tetapi dua faktor di atas tidak mencukupi kerana kita terpaksa bersaing hebat dengan beberapa negara lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama kalau matlamat kita ialah hendak menggalakkan pelancong dari luar negeri datang ke mari. Pilihan yang ada pada kita ialah menyediakan prasarana budaya yang lengkap dan menarik untuk memikat hati pelancong yang memangnya sentiasa berminat terhadap budaya yang berbeza daripada apa yang biasa pada mereka.

Selain daripada tinggalan sejarah, senibina tradisi, pelbagai jenis kraftangan, wayang kulit, pertunjukkan kesenian, malah pakaian lama dan muzik tradisional juga harus disediakan sebagai hidangan untuk pelancong.

Dalam aspek budaya, kita boleh bahagikan negara kita kepada beberapa ‘wilayah budaya’ (*cultural regions*) supaya setiap wilayah itu mempunyai identiti dan tarikan budayanya yang tersendiri. Pembahagian ini penting supaya setiap negeri atau wilayah menyediakan sesuatu yang berbeza daripada negeri/wilayah lainnya. Dengan cara ini, pelancong

boleh ditaburkan di merata tempat di samping menggalakkan mereka tinggal lebih lama di negara kita ini.

Ada dua kesan kepada program kita menyediakan prasarana budaya untuk pelancongan. Kesan pertama ialah ‘memperdagangkan’ warisan budaya atau kesenian. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana kesenian tradisi seperti kraftangan, pertunjukkan pentas, permainan, dan lain-lainnya dapat terus bertahan dan dikembangkan hanya apabila ia diberi nilai komersil. Di mana-mana negara sekali pun, khususnya di Bali, Sumatra, Itali, Perancis, Sepanyol, Soviet Union, New Zealand dan lain-lainnya, kesenian terus hidup kerana mendapat sokongan daripada pelancong. Tanpa biaya dari pelancong, kesenian akan menjadi artifek yang tersimpan di muzium dan arkib. Dalam hal ini, kesenian tradisi kita boleh diselamatkan daripada terus pupus melalui industri pelancongan.

Kesan kedua ialah wujudnya ruang untuk kita ‘memasyarakatkan pelancongan’ atau ‘membudayakan pelancongan’ di kalangan masyarakat kita sendiri. Di negara-negara yang sudah maju dalam bidang pelancongan, sebahagian besar pelancong adalah dari kalangan pelancong dalam negeri dan bukannya dari luar negeri. Adalah suatu kesilapan kalau kita merancangkan perkembangan industri pelancongan khusus untuk pelancong dari luar negeri sahaja. Persediaan kita mestilah juga ditumpukan kepada pelancong dari dalam negeri. Malah kita mempunyai potensi yang amat besar untuk meningkatkan aktiviti melancong di kalangan penduduk tempatan. Ini boleh dilakukan melalui kempen kesedaran, memasyarakatkan pelancongan, atau menjadikan pelancongan sebagai sebahagian daripada cara hidup kita seperti yang sudah berlaku di negara-negara Barat. Juga amatlah wajar supaya hari kerja di jabatan-jabatan kerajaan dan swasta di negara ini dijadikan lima hari sahaja dan bukan $5\frac{1}{2}$ hari seperti sekarang; tetapi ditambah masa kerja setiap hari daripada 8 jam (8.15 hingga 4.15) kepada 9 jam (8.15 hingga 5.15) setiap hari. Ini memberi masa yang mencukupi untuk penduduk Malaysia melancong di hujung minggu.

RUJUKAN

- Abdul Kadir Haji Din. 1987. *Keusahawanan Bumiputera Dalam Industri Pelancongan Di Cerating dan Pulau Tioman*. Laporan Penyelidikan, UKM, Bangi.
- _____. 1983. The drag up Kedah peak: Constraints on the development of a hill resort. *Rekreasi Luar di Malaysia*.
- Kaiser, C. & L.E. Helber. 1934. *Tourism : Planning and Development*. Inc. Massachescett: CBI Publishing Company.
- Var, T., R.A.D. Beck & P. Loftus. 1977. Determination of touristic attractiveness of the touristic areas in British Columbia. *Journal of Travel Research* 15(3) : 27

Institut Bahasa, Kesusasteraan
dan Kebudayaan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E., Malaysia